

Selagi Sukarno Menjadi Presiden

Indonesia Kita Akan Hancur

Apakah Presiden Sukarno Sudah Menjadi Orang yang Murtad?

Sesudah melihat kepada perkembangan-perkembangan yang ada dan kemudian daripada mengisyiharkan konsepsinya yang telah ditolak mentah-mentah oleh umat Islam di seluruh Indonesia, maka Presiden Sukarno dengan tidak mengendahkan kehendak-kehendak rakyat, khususnya yang di luar Pulau Jawa yang menghendaki satu susunan pemerintah baru yang terdiri daripada orang-orang yang dipercayai, maka sesudah mengadakan arak-arakan yang terdiri dari tukang-tukang beca untuk menyokong konsepsinya itu, Presiden Sukarno, akhirnya mengisyiharkan keadaan perang dan darurat di Indonesia seluruhnya untuk melaksanakan kemahuan dan cita-citanya, untuk melaksanakan konsepsinya yang maksudnya tidak lain dan tidak bukan supaya ia menguasai seluruh Indonesia dengan sifatnya sebagai diktator.

(oleh: Wakil Khas Kita)

Sebelum kita mengulas apakah Sukarno boleh menegakkan satu pemerintahan diktator di Indonesia itu, maka terlebih dahulu patut dicatatkan di sini, bagaimanakah sifat konsepsinya itu dan bagaimanakah keadaan konsepsi itu kalau dijalankan di Indonesia, serta apa akibatnya kepada seluruh umat Islam di Indonesia. Kalau dilihat dengan saksama, terang dan jelas bahawa konsepsi Sukarno itu adalah konsepsi Komunis, cominform yang berkuasa menguasai dewan perwakilan rakyat, dan menguasai kabinet. Tidak ada bezanya di antara badan nasional itu dengan cominform kerana daripada apa yang dikatakannya sendiri, bahawa sama ada diminta atau tidak nasihat dari Dewan Nasional oleh kabinet, kabinet mesti menerima apa-apa kemahuan dari Dewan Nasional yang ia sendiri menjadi ketuanya. Terang dan

jelas diktator proletar muah ditegakkan oleh Presiden Sukarno Indonesia. Ertinya demokrasi habis dan Sukarno muah menguasai Indonesia dengan caranya sendiri sahaja.

Apakah boleh Sukarno menjadi diktator di Indonesia pada masa sekarang? Soal ini akan dikupas dibelakang nanti. Yang perlu kita perhatikan sebelum kita menetapkan apakah ia boleh menjadi diktator itu, moleklah kita melihat bagaimana konsepsi itu disokong oleh sebahagian rakyat Indonesia dalam perarakan yang dikatakan besar, yang diadakan di Jakarta tempoh hari. Menurut keterangan Shariff Osman dalam pidatonya menerangkan, bahawa penyokong-penyokong Presiden Sukarno itu tidak lain kebanyakannya dari tukang-tukang beca yang hari ini boleh mengatakan setuju dan

besok pagi boleh mengatakan tidak setuju. Sebab orang-orang itu ikut-ikutan sebagai kambing sekawan boleh diburu dan dipimpin, asalkan saja diberikan makanan.

Cerita ini tidak dapat dinafikan dan banyak bukti-bukti yang akan didapat daripadanya.

Kiyai Muhammad Isa Anshari mensifatkan bahawa konsepsi Sukarno itu kepada umat Islam adalah sama sebagai konsepsi Abu Lahab yang meminta kepada Muhammad (SAW) mengikut kemahuannya dan memberikan segala sesuatu yang dihajatnya asalkan sahaja jangan menyampaikan cita-cita dan tujuan Islam. Jadi ringkasnya konsepsi Sukarno sama dengan konsepsi Abu Lahab kepada umat Islam. Alasan-alasan ini tepat kerana kita sendiri melihat dan mengetahui bahawa Sukarno memaksa umat Islam yang masih mahu berhulur bertarik seperti Masyumi dan Nahdatul Ulama', tunduk kepada kemahuannya bekerjasama dengan Komunis dan menghendaki supaya umat Islam itu jangan menegakkan negara Islam, sebagai yang diikrarkan mereka, sebagai yang dipertanggung jawabkan Tuhan kepada mereka - ertiinya membuang segala apa yang diperintahkan Tuhan kepada umat Islam, dengan mengikut perintah Sukarno. Sukarno menghendaki supaya hukum-hukum Tuhan, tanggungjawab umat Islam dihapuskan dan mengikut sahaja konsepsinya itu dan kerana itulah Kiyai Isa Anshari menyatakan bahawa konsepsi Sukarno itu sama sebagai konsepsi Abu Lahab kepada Muhammad (SAW). Barangkali umat Islam di Indonesia hanya sekadar itu dapat mengucapkan di hadapan umum sedang ketetapan di sebalik itu mereka tidak berani mengatakannya - maklumlah hujung pedang sudah diletakkan di dada orang-orang Islam, ertiinya paksaan didatangkan pada umat-umat Islam supaya mengikut kehendak Sukarno. Kalau tidak, mungkin orang-orang

Islam yang masih berhulur bertarik itu akan di-ikhwan al-muslimin-kan oleh Sukarno, kalau sekiranya ia mempunyai kekuasaan melakukannya.

Bagi kita di luar negeri apabila mendengar keadaan itu tentunya bertanya: Apakah Sukarno itu sah menjadi Presiden di negara Indonesia mengikut undang-undang dasarnya. Undang-undang dasar Republik Indonesia hendaklah orang-orang Islam). Apakah Presiden Sukarno itu tetap Islam atau telah murtad? Terbitnya soal ini disebabkan konsepsinya itu berlawanan atau melawan kepada kehendak-kehendak dan hukum Tuhan. Ia berdiri seolah-olah bukan sebagai orang Islam lagi, tetapi seperti orang yang telah murtad. Kerana dengan konsepsinya itu menghendaki satu cara membelakangkan kehendak dan kewajipan Tuhan sedang di Indonesia, umat Islam diwajibkan Tuhan hendaklah menghukum dengan hukum-hukum Tuhan - kalau tidak orang itu akan menjadi fasik, zalim dan kafir. Sekali lagi orang bertanya, melihat kepada langkah-langkahnya yang ada, apakah Sukarno itu Islam atau sudah murtad? Kalau ditamsilkan ia sudah murtad, sudah tentu gugur haknya menjadi Presiden bagi negara Republik Indonesia. Kalau sudah begitu menjadi kewajipan kepada sekalian umat Islam di Indonesia menurunkannya dari menjadi Presiden Republik Indonesia itu dan menjadikan umat Islam, kalau sudah sebegini rupa keadaannya, mesti bersama-sama berjihad pada jalan Allah untuk menegakkan cita-cita Islam bersama-sama saudara-saudaranya yang dipimpin oleh Kartosuwiryo, Kahar Muzakkir dan Teuku Daud Bereueh . Sebalik itu melihat pula kepada keadaan-keadaan maka dengan sendirinya Sukarno tidak ada hak lagi menjadi Presiden Republik Indonesia.

Dr Mohammad Hatta tatkala meletakkan jawatannya

sebagai wakil Presiden, patut dicontohi oleh Sukarno kalau sebenarnya ia seorang patriot Indonesia. Kewajipan saya, kata Dr Hatta, sudah habis apabila pemilihan umum untuk menentukan pemerintahan Indonesia diadakan. Sebab itulah beliau meletakkan jawatannya, dan kalau mahu dengan lantikan. Begitu juga tugas Presiden, sebagai Presiden sementara Indonesia sudah habis apabila telah diadakan pemilihan umum, dan sepatutnya ia mesti mengadakan suatu pemilihan lain buat memilih Presiden bagi negara Indonesia. Tetapi rupanya Sukarno masih sayang, terlampau sayang kepada kedudukan itu. Dengan menjadi Presiden ia berleluasa berbuat sekehendaknya yang tidak tersembunyi lagi di mata orang di luar, khususnya bagi kita di Semenanjung Tanah Melayu. Dan oleh kerana itulah segala sesuatu yang dibuatnya tidak boleh digangu gugat, tidak boleh dikritik, dan ia boleh berbuat sesuka hatinya - langkahnya sebagai setengah diktator berjalan semenjak daripada proklamasi 1945 dan sekarang ia mahu menjadi diktator di Indonesia menyampaikan cita-citanya yang dikatakan oleh Hatta: "Sukarno sedang mengelamun".

Apakah Sukarno dapat menjadi diktator di Indonesia? Orang ramai mengatakan tidak mungkin - tidak akan dapat. Sementara kita menulis ini Jemaah Menteri Suwiryo (P. N. I) sedang dibentuk. Mereka menghendaki Nahdatul Ulama menjadi pendokong Jemaah Menteri itu, tetapi Nahdatul Ulama telah insaf bahawa jika hanya Nahdatul Ulama sahaja menyertai satu pemerintahan, walaupun dengan tidak beserta di dalamnya Komunis maka pemerintahan itu tidak ada erti. Untuk menyelesaikan perkara-perkara yang ada sekarang. Sebab dengan Nahdatul Ulama dan P. N. I. yang menjadi

pendokong pemerintah bermakna bahawa pemerintahan itu hanya satu pemerintahan orang-orang di Jawa, sebab kerusi yang diwakili oleh Nahdatul Ulama dan P. N. I. 90 peratus lebih adalah perwakilan daripada Jawa. Sekiranya ditubuhkan yang demikian itu, menyelesaikan kepada daerah-daerah tidak akan dapat dan perintahan itu hanya akan berdiri di tengah Jawa sahaja, sedang daerah-daerah lain sebagai yang ada sekarang sudah mengumumkan tak mahu taat lagi kepada pusat. Apakah erti dan merbahaya ini? Jawabnya sudah terang bahawa Pulau Jawa kelaparan, kerana hasil mahsul Pulau Jawa itu sendiri tidak akan dapat untuk mencukupi perbelanjaan hidupnya. Yang kaya bukan Pulau Jawa, tetapi daerah-daerah yang ada di luar Jawa. Dengan ini juga harus Kedutaan-kedutaan Indonesia yang banyak mebuang-buang wang di luar negeri, seperti di Singapura ini, dengan sendirinya harus akan mengurangkan kaki tangannya dan harus juga akan ditutup, kerana tidak ada belanjanya.


Tidak hairan melihat kepada keadaan konsepsi dan cara-cara diktator Sukarno itu suara-suara dari Sumatera sudah menghendaki supaya Sumatera bersatu dengan Malaya, dan harus juga nanti Brunei akan bersatu dengan British North Borneo, Sarawak dan Brunei, sedang Sulawesi akan bersatu dengan orang-orang Mindanao. Jika terjadi demikian apakah yang akan dikatakan oleh orang-orang Jawa kepada Sukarno? Sebab itulah nampaknya Nahdatul Ulama memandang jauh di dalam hal ini dan menuntut bahawa ia tidak mahu duduk di dalam Jemaah Menteri ini jikalau Masyumi tidak turut serta di dalamnya. Sebab pemerintahan itu tidak ada mempunyai wakil-wakil dari daerah yang kaya yang membelanjai 80 peratus perbelanjaan seluruh Indonesia.

Jikalau kita perhatikan pula di seliling angkatan

perang dari berita-berita yang kita baca di dalam masa menulis ini, maka angkatan perang itu sendiri menghendaki supaya Dr hatta masuk di dalam pemerintahan. Jika benar yang demikian ini, maka sekali lagi timbul pertanyaan: Bolehkah Sukarno menjadi diktator? Adakah cukup kekuatan tentera untuk melaksanakan keadaan darurat di Indoensia itu? Jawabnya boleh saudara-saudara lihat di dalam dua gambar yang kami siarkan di sini, fotokopi dari angkatan perang sendiri menunjukkan kelemahannya. Jangankan menghadapi seluruh umat Islam Indonesia yang diwajibkan Tuhan menegakkan negara Islam, jika perlu dengan darah yang merah, sedang menghadapi angkatan *Dar al-Islām* di Sulawesi umpamanya tidak berkesanggupan, maka bagaimanakah Sukarno akan menjalankan langkah-langkahnya melaksanakan "Meriam berbicara itu".

Di dalam penilaian keadaan yang kami siarkan fotokopi di sini menunjukkan bahawa *Dar al-Islām* mempunyai kekuatan yang cukup sedang tentera Indonesia terbatas.

Fizik *Dar al-Islām* lebih baik, tentera Indonesia kurang, pimpinan *Dar al-Islām* lebih cekap, pimpinan tentera Indonesia kurang. Ideologinya kuat, ideologi Indonesia kurang. Kehidupan mereka dari daerah, sedang kehidupan tentera sangat sukar dan tidak memuaskan. Alat-alat *Dar al-Islām* lebih baik, alat-alat tentera Indonesia kurang, dan berbagai-bagi lagi keterangannya dapat



*Dua fotokopi ini ialah daripada penyata rahsia tentera Indonesia yang dihadapkan kepada Presiden dan lain-lain orang besar Indonesia. Di dalam fotokopi yang kedua, selain daripada kata-kata yang disebutkan di dalam makalah ini, ada pula syor-syor bagaimana menghadapi tentera *Dar al-Islām* yang dihajat oleh mereka bahawa penyelenggaraan itu tidak mungkin hanya dijalankan oleh kuasa tentera tetapi hendaklah dengan jalan lain! Adakah tentera negara Islam Indonesia yang lebih kuat daripada tentera Indonesia itu akan mahu terima cara itu dan memundurkan langkah-langkahnya mendirikan negara Islam? Hal ini tentu jauh panggang dari api kerana percubaan yang dilakukan kepada Ibnu Hājar di Kalimantan manis di mulut tetapi pahit padahnya sehingga dengannya Ibnu Hājar dengan anak buahnya masuk semula ke pedalaman.*

A. Organisasi		B. Pendidikan		C. Kebudayaan		D. Kesejahteraan	
No.	Kode	No.	Kode	No.	Kode	No.	Kode
1.	1. Pem. Dikti 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Polisi 2. Polisi 3. Polisi 4. Polisi	1. Organisasi 2. Organisasi 3. Organisasi 4. Organisasi
2.	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Polisi 2. Polisi 3. Polisi 4. Polisi	1. Organisasi 2. Organisasi 3. Organisasi 4. Organisasi
3.	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Polisi 2. Polisi 3. Polisi 4. Polisi	1. Organisasi 2. Organisasi 3. Organisasi 4. Organisasi
4.	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Pendidikan 2. Pendidikan 3. Pengembangan 4. Kebudayaan	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Koperasi 2. Koperasi 3. Koperasi 4. Koperasi	1. Polisi 2. Polisi 3. Polisi 4. Polisi	1. Organisasi 2. Organisasi 3. Organisasi 4. Organisasi

saudara lihat, yang menunjukkan: sedangkan menghadapi

Dar al-Islām tidak mempunyai kekuatan, apalagi pada masa sekarang, jika Masyumi dan Nahdatul Ulama bersatu memberi kata dua kepada Sukarno, turun daripada menjadi Presiden, kami mahu mendirikan negara Islam kalau tidak darah akan tumpah di bumi Indonesia sudah terang, kita yakin, bahawa negara Islam akan berdiri di Indonesia sekalipun akan menumpahkan darah. Tepat sebagai kata Kortosuwiryo bahawa tidak ada bayi (anak) yang lahir dengan tidak disertai dengan darah.

Apakah pemimpin Islam yang masih mempertahankan perjuangan dengan cara perlombaan itu akan berani memberi kata dua itu - adalah menjadi satu soal sedang orang-orang di luar melihat bahawa orang-orang perdalamannya yakni tentera *Dar al-Islām*, yang telah melahirkan tekad untuk menegakkan negara Islam di Indonesia sekarang melihat kepada perkembangan dan keadaan hanya bersiap-siap, bersiap-sedia untuk menghadapi perubahan-perubahan itu. Walau bagaimanapun jiwa umat Islam itu satu, satu dalam pengertiannya,

satu dalam cita-citanya hanya pelaksanaannya yang berlain-lainan.

Marilah kita melihat keadaan-keadaan itu dan marilah kita perhatikan perubahan itu dari masa ke semasa dan kepada umat Islam khususnya dan umat Islam Malaya umumnya, kami peringatkan bahawa makalah ini tidaklah sekali dibuat untuk meruntuhkan negara merdeka Indonesia, tetapi ialah kerana membanteras perbuatan sewenang-wenang, membanteras perbuatan-perbuatan musuh Islam yang dilangkahkan oleh Sukarno dan komplotnya, menahan berdirinya negara Islam yang dicita-cita oleh umat di Indonesia dan diangan-angangkan oleh umat Islam di luar Indonesia. Ini adalah menjadi kewajipan bagi tiap-tiap umat Islam untuk menegakkan negara Islam. Kalau tidak umat Islam akan dicap fasik, zalim dan kafir menurut hukum Tuhan.

Sebuah negara Islam wajib didirikan oleh umat Islam di mana mereka berada dan cara perlaksanaan terserah kepada kesanggupan dan usaha masing-masing.

Mengapa Sukarno berkeras dengan konsepsinya? Baca riwayat Kamar 8 di Moscow dalam keluaran yang akan datang.